



## MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

### SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PERUBATAN DAN KESIHATAN</b>
<b>KIMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PELAKSANA</b>
<b>GREED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>U19</b>
<b>GAJI MINIMUM-MAKSIMUM</b>	<b>:</b>	<b>RM 1,360.00 – RM4,052.00</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP</b>

#### SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - warganegara Malaysia;
  - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
dan
  - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan).  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM 1,360.00);***
    - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
***(Gaji permulaan ialah pada Gred U19: RM1,418.12).***

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
- (b) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (c) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

#### **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

- 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

#### **TEMPOH PERCUBAAN**

- 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

#### **LATIHAN**

- 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

#### **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

- 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

#### **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

- 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya [ bagi pegawai yang dilantik menggunakan kelayakan di perenggan 1(c)(i) ];
  - (c) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

## PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

## KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**TARAF JAWATAN : TETAP**

**TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 18.10.2021 (ISNIN) - 04.11.2021 (KHAMIS)**

## CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang boleh dimuat turun dari Laman Web Majlis Perbandaran Segamat di <http://www.mpsegamat.gov.my> . Bersama-sama salinan dokumen-dokumen seperti berikut :-
- (i) Kad Pengenalan Diri;
  - (ii) Sijil Kelahiran;
  - (iii) Sijil-sijil Persekolahan;
  - (iv) Sijil Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\* mana yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon;
  - (v) Transkrip keputusan akhir peperiksaan (jika diploma/ijazah sebenar masih belum diterima);
  - (vi) Satu (1) keping gambar terkini berukuran 'passport';
  - (vii) Dokumen-dokumen sokongan yang lain (jika ada)
- (b) Permohonan-permohonan hendaklah dihantar kepada:-
- YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT  
85000 SEGAMAT**
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Bil. 17 Tahun 2005.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat seperti di dalam iklan akan **DTOLAK SERTA-MERTA**.
- (e) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (f) Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.

**PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.**

  
(YM UNGKU MOHD. TAHIR BIN UNGKU MOHD ZAKARIA)

Yang Dipertua,

**Majlis Perbandaran Segamat**

  
UMT/ms/nmn/Iklan Jawatan